

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN
DIPLOMATIK (PPTD) 1999

TEMPAT: HOTEL PALACE OF THE GOLDEN HORSES, SG. BESI, KUALA LUMPUR

TARIKH: 05 NOV 1999

MASA:

Terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa PPTD yang telah menjemput saya ke Majlis ini.

2. Bagi saya majlis seperti ini amat penting kerana jarang sekali kita dapat bertemu di luar daripada pengurusan tugas-tugas kita masing-masing. Sudah tentu tidak ramai yang dapat bertemu, jauh sekali membincang berkenaan dengan hal-hal lain selain daripada yang khusus berkenaan dengan urusan kerja. Keadaan ini tidak begitu sihat kerana pegawai sebagai pelaksana dasar, rancangan dan urusan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat perlu tahu akan latar belakang dan sebab-sebab sesuatu keputusan dan pendekatan Kerajaan. Tanpa pengetahuan ini maka pelaksanaan mungkin menjadi tidak sempurna dan mungkin tidak mencapai matlamatnya. Keadaan akan menjadi lebih rumit apabila tafsiran yang dibuat tidak tepat atau pihak-pihak lain membuat tafsiran yang berlainan kerana sebab-sebab tertentu.

3. Alhamdulillah, sejak kita merdeka 42 tahun dahulu, negara kita telah dapat dibangunkan dengan pesat. Hari ini negara kita amat berlainan daripada negara yang miskin yang amat kekurangan prasarana asas yang kita warisi apabila kita merdeka. Demikianlah kemajuan negara kita sehingga ianya sekarang dianggap sebagai negara yang termaju antara negara-negara membangun, terutama negara-negara yang pernah dijajah dahulu dan mencapai kemerdekaan semasa kita mencapai kemerdekaan. Di kawasan-kawasan tertentu seperti ibu kota Kuala Lumpur kemudahan dan pembangunannya dianggap setaraf dengan negara-negara maju.

4. Kemajuan dan pembangunan yang pesat ini tidak terjadi dengan sendirinya. Banyak pihak terlibat dengan prestasi ini. Kepimpinan hanyalah satu daripada faktor yang memainkan peranan. Rakyat yang bersikap sederhana, yang cintakan keamanan, yang faham akan selok-belok demokrasi dan kuasa yang dimiliki oleh rakyat dalam demokrasi adalah juga fakta yang penting.

5. Kecekapan rakyat dalam bidang perdagangan dan perusahaan juga menyumbang kepada pembangunan negara

ini. Mereka menterjemahkan sumber asas dan tenaga manusia kepada kekayaan, yang mana kekayaan ini menyumbang pula kepada kewangan Kerajaan. Dengan itu dapatlah kita dirikan pentadbiran yang diberi layanan dan upahan yang berpatutan.

6. Tetapi semua ini tidak akan berjaya memajukan negara jika jentera pentadbiran lemah, tidak cekap, tidak jujur dan tidak berdisiplin. Kita semua, rakyat keseluruhannya perlu bersyukur kerana di Malaysia jentera pentadbiran mampu, dengan sifat-sifat yang ada padanya, mengurus urusan pembangunan negara ini dengan baik dan berhasil.

7. Jentera pentadbiran yang kita warisi daripada British memang baik susunannya. Tetapi ia adalah diasaskan kepada sistem 'elitist' yang mana pegawai Kerajaan menjadi satu kasta yang tinggi dan terasing daripada rakyat. Asas ini tidak sesuai dengan negara yang mengamalkan demokrasi yang mana rakyat berkuasa ke atas Kerajaan. Mungkin peranan rakyat dianggap amat terhad, hanya berkuasa mengundi dan memilih wakil mereka lima tahun sekali. Tetapi hakikatnya ialah mereka berkuasa menaikkan sesiapa yang mereka suka dan menjatuhkan sesiapa yang mereka tidak suka. Kerajaan yang tidak melayan kehendak rakyat tidak akan mendapat sokongan mereka, tidak akan dapat menjadi Kerajaan, tidak akan dapat melaksanakan segala rancangan yang mereka cipta untuk negara.

8. Untuk melayan kehendak rakyat sistem 'elitist' pentadbiran British tidak lagi dapat digunakan.

9. Justeru itu, sistem pentadbiran Malaysia terpaksa diubah supaya ianya dapat berinteraksi dengan lebih rapat dengan rakyat di samping menyumbang khidmat yang lebih berkesan dan secara langsung dalam melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan semasa.

10. Alhamdulillah, pentadbiran Malaysia mampu dan berjaya mengubah pendekatan dan peranan supaya Kerajaan pilihan rakyat boleh memberi layanan kepada kehendak rakyat dengan memuaskan. Perubahan ini bukanlah mudah kerana ia memerlukan pertukaran sikap dan fahaman akan peranan yang diperlukan daripada pegawai-pegawai.

11. Jentera pentadbiran Malaysia juga berjaya mengekalkan profesionalismenya dan pengasingannya daripada melibatkan diri dengan peranan pihak 'legislative' iaitu terlibat dengan 'partisan' politik. Pemisahan ini amat penting kerana penglibatan dengan 'partisan' politik akan menjejaskan pelaksanaan dasar dan rancangan Kerajaan semasa. Perkhidmatan pentadbiran sedar bahawa jika ada pihak antara mereka menjadi peserta yang aktif dalam memajukan politik pembangkang, perkara yang sama boleh berlaku apabila pembangkang pula menjadi Kerajaan kerana sudah tentu

pegawai yang memihak kepada parti Kerajaan yang dikalahkan akan cuba secara aktif menggagalkan dasar Kerajaan baru. Dengan ini jentera Kerajaan tidak akan berkesan walau apa pun parti yang memerintah. Yang menjadi mangsa ialah negara dan rakyat. Apabila negara tidak dapat dibangunkan maka pentadbir juga akan menerima padahnya. Sebab itu sikap profesionalisme pentadbiran amat penting iaitu siapa juga menjadi Kerajaan, pentadbiran perlu melaksana dan menjayakan segala rancangan dan dasar yang dibawa oleh Kerajaan itu. Pendirian peribadi dan persendirian mengenai politik tidak boleh diambilkira atau mempengaruhi pelaksanaan keputusan Kerajaan semasa.

12. Berjayanya Malaysia dibangunkan dengan pesat membuktikan bahawa umumnya pentadbir di Malaysia memang pun bersikap profesional. Jika ada pun yang tidak profesional bilangan mereka adalah amat kecil sekali. Saya percaya pentadbir di Malaysia akan terus bersikap profesional demi kebaikan negara dan kita semua sebagai warganegara negara tercinta ini.

13. Seperti dengan negara-negara lain kita sering menghadapi krisis. Adakalanya kita menghadapi krisis politik, adakalanya ekonomi dan adakalanya krisis pentadbiran sendiri. Semasa krisis peranan yang dimainkan oleh pentadbir menjadi lebih penting, lebih kritikal. Jika pentadbir tidak cekap atau tidak sanggup berkorban untuk menangani masalah mereka maka sudah tentu krisis tidak akan dapat diatasi. Kegagalan ini tetap akan menjejaskan pembangunan dan kemajuan negara.

14. Baru-baru ini sepertimana kita semua maklum negara kita telah mengalami kegawatan ekonomi dan kewangan apabila pedagang matawang tiba-tiba menyerang dan menjatuhkan nilai matawang kita. Apabila nilai matawang kita jatuh berbanding dengan matawang Amerika yang kita guna untuk membayar barangan import, maka kita terpaksa mengguna lebih banyak Ringgit apabila membeli barang-barang seperti gula, tepung, susu, ubat-ubatan dan sebagainya. Oleh kerana bekalan Ringgit kita tidak bertambah maka kita tidak dapat membeli sebanyak dahulu. Pendapatan rakyat juga tidak lagi dapat menampung keperluan hidup seperti dahulu. Dengan perkataan lain kita menjadi miskin kerana pedagang matawang menjatuhkan nilai tukaran Ringgit kita.

15. Di masa yang sama spekulator pasaran saham menjatuhkan nilai saham syarikat-syarikat kita. Pemilik saham yang berhutang dengan mengguna saham sebagai cagaran mendapati nilai cagaran mereka lebih rendah daripada hutang. Bank meminta cagaran ditambah. Apabila ini tidak dapat dibuat maka hutang menjadi lapuk. Syarikat akan muflis dan bank juga mengalami kerugian.

16. Banyaklah lagi kesan yang buruk ke atas ekonomi dan kewangan negara yang disebabkan pedagang matawang dan spekulator saham menjatuhkan dengan sengaja nilai-nilai wang dan saham kita.

17. Kegawatan ekonomi dan kewangan yang berlaku boleh memaksa kita meminta pinjaman daripada Dana Wang Antarabangsa. Jika kita pinjam maka syarat-syarat tertentu akan dikenakan termasuk menghapuskan Dasar Ekonomi Baru, membuka bidang 'banking', perniagaan dan perusahaan kepada penyertaan orang asing tanpa had, membenarkan mereka mengambilalih seratus peratus khidmat Kerajaan yang diswastakan dan menghapuskan sekatan-sekatan lain untuk menentukan ekonomi kita dikuasai oleh kita. Adalah jelas ini bermakna kita tidak lagi berkuasa ke atas ekonomi kita. Lambat-laun orang asing akan menguasai politik kita pula, menentukan siapa yang akan menjadi Kerajaan negara kita.

18. Kerajaan berpendapat bahawa kita tidak boleh meminta pinjaman daripada IMF. Mungkin ini adalah keputusan yang baik tetapi ia hanya boleh dibuat jika keadaan dalam negara mengizinkan.

19. Antara keadaan yang penting yang akan mengukuhkan ketahanan negara ialah ketenteraman sosial. Jika rakyat bertindak liar maka akan menjadi sukarlah bagi Kerajaan mencari cara lain bagi mengatasi masalah kegawatan.

20. Alhamdulillah, rakyat bertenang. Jentera pentadbiran tidak menimbulkan apa-apa masalah. Walaupun jelas gaji yang didapati tidak lagi boleh membeli sebanyak dahulu, walaupun elaun tertentu dihentikan, walaupun bonus tidak dibayar, walaupun semakan gaji tidak dibuat, pegawai dan kakitangan Kerajaan di semua peringkat tidak mengambil apa-apa tindakan perusahaan, bahkan tidak menuntut apa-apa pun dan menerima baik tindakan berjimat-cermat yang dibuat oleh Kerajaan. Pegawai-pegawai PTD telah menjalankan tugas seperti biasa dan memberi kerjasama yang kuat kepada Kerajaan. Ramai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab tambahan untuk membekal MTEN dengan cukup maklumat dan sokongan supaya MTEN dan Kerajaan dapat meneliti perkembangan ekonomi dan kewangan untuk mencari jalan yang baik bagi mengatasi masalah kegawatan.

21. Berkat sokongan ini dan ketenteraman pegawai dan kakitangan Kerajaan maka dapatlah Kerajaan mencipta pendekatan kita sendiri bagi mengatasi kegawatan yang melanda negara kita. Saya ingin merekod di sini ucapan terima kasih dan penghargaan Kerajaan kerana PTD tidak sedikit pun mengganggu Kerajaan semasa merancang dan melaksanakan tindakan pemulihan ekonomi negara.

22. Kita semua harus bersyukur kerana tidak seorang

pun daripada pegawai atau kakitangan Kerajaan yang terpaksa diberhentikan di negara ini seperti yang berlaku secara besar-besaran di negara lain yang diserang oleh pedagang matawang dan spekulator saham.

23. Hasil daripada sikap bertanggungjawab semua pihak, terutamanya pegawai dan kakitangan Kerajaan, ekonomi kita sudah mula pulih. Insya-Allah dengan pemulihan ini kita berharap bukan sahaja dapat kita kembalikan segala elaun dan kemudahan yang dinikmati oleh pegawai-pegawai PTD sebelum ini tetapi kita akan dapat beransur-ansur memulihkan daya beli atau 'purchasing power' gaji dan elaun semua pihak.

24. Proses membangun negara kita sehingga ia menjadikan negara maju akan diteruskan. Pegawai-pegawai PTD akan memainkan peranan yang besar dalam proses ini. Saya penuh yakin akan kebolehan pegawai-pegawai PTD, terutama dalam menguasai sistem Kerajaan Elektronik, supaya proses pencapaian kemajuan negara akan berjalan dengan cepat dan lancar. Dengan kesanggupan pegawai PTD menguasai teknik dan teknologi baru, ketahanan dan kebolehan negara akan dapat dinaikkan. Segala cabaran masa depan akan dapat kita tangani bersama dengan jayanya, Insya-Allah.

25. "Malaysia Boleh" bukan slogan kosong. Kita telah buktikan berkali-kali kebolehan kita. Dan antara kebolehan kita ialah mendirikan pentadbiran yang cekap dan mampu menangani sebarang krisis di samping membangunkan negara. Pentadbiran negara kita adalah pentadbiran yang profesional, yang menjalankan tugas mengikut prinsip-prinsip demokrasi berparlimen. Pemisahan antara 'partisan' politik dengan pentadbiran didukung tinggi. Dengan itu siapa juga menjadi Kerajaan boleh yakin yang dasar serta rancangan yang dibentuk oleh Pemerintah semasa akan dilaksanakan dengan cekap dan jujur oleh pentadbir.

26. Saya percaya prinsip dan amalan ini akan dipegang terus oleh PTD supaya pemerintahan negara ini tidak akan terjejas jika ada pertukaran Kerajaan.

27. Ucapan saya ini agak serius dan mungkin akan mengurangkan selera tuan-tuan dan puan-puan. Saya harap kesan terhadap selera tidak terlalu sangat.

28. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada seluruh anggota PTD yang telah memberi sokongan kuat kepada Kerajaan dan sanggup berkorban semasa kegawatan. Saya juga ucap terima kasih kerana jemputan ke majlis makan malam ini. Saya berdoa kita semua memperolehi banyak manfaat daripada hasil kerjasama dan khidmat kita bersama. Insya-Allah dengan pemulihan ekonomi negara, kita akan perolehi banyak ganjaran daripadanya.